

Pengindahan sungai didik masyarakat

KLANG - Tahap kesedaran orang ramai dalam memelihara serta memahami kepentingan sungai kepada umum perlu ditingkatkan dari masa ke semasa.

Pengarah Jabatan Komunikasi dan Pengaduan Awam, Majlis Perbandaran Klang (MPK), Norfiza Mahfiz berkata, MPK sentiasa mengadakan program untuk meningkatkan kesedaran penduduk dalam menjaga dan memelihara alam semula jadi termasuk sungai khususnya di daerah ini.

Menurutnya, bagi mencapai hasrat itu, pihaknya akan mengadakan

Program LA 21 Selangor, Pengindahan dan Pemuliharaan Alam Semula jadi pada 9 April ini yang bakal menampilkan pelbagai acara antaranya penanaman pokok, perasmian 'Smart Bin' dan 'River Rangers' serta gotong-royong.

"Lokasi program ini diadakan di Pengkalan Batu dan Pengkalan Kampar yang mana ia turut mendapat kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta.

"Majlis mengalu-alukan penyertaan penduduk setempat untuk memeriahkan acara," katanya.

Beliau berkata, program yang diadakan itu juga bertujuan mendidik masyarakat menghargai kebersihan termasuk sungai dan kawasan sekitar.

"Program yang bermula seawal jam 8 pagi turut menampilkan pelbagai aktiviti yang menawarkan hadiah menarik kepada pemenang.

"Selain itu, hubungan baik antara satu sama lain juga dapat dipupuk seterusnya semangat cintai alam sekitar dapat dimeterai," katanya.

Sebarang pertanyaan, boleh hubungi talian 012-6574179 untuk keterangan lanjut.



■ Pelbagai acara akan diadakan pada Program LA 21 Selangor, Pengindahan Dan Pemuliharaan Alam Semula jadi 9 April ini.